

Muhammad Haniff Hassan

Muhammad Haniff Hassan adalah Zamil Bersekutu dan siswa program kedoktoran di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Beliau memegang ijazah sarjana M.Sc (Pengajian Strategik) dari institut yang sama. Pendidikan awalnya ialah di Madrasah Aljunied Al-Islamiyah, Singapura. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan memperoleh ijazah sarjana pertama dengan kepujian dalam Syariah dan Undang-undang.

Beliau turut aktif dalam berbagai kerja sosial dan dakwah sebagai anggota Majlis Rayuan Syariah di bawah Majlis Ugama Islam Singapura, anggota Majlis Penasihat Syariah untuk HSBC Insurance (Singapura), anggota Majlis Tertinggi Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Singapura (PERGAS), anggota Jawatankuasa Pengurusan Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiyah dan anggota Panel Sumber bagi Jawatankuasa Parliment Pemerintah (Pertahanan dan Hal Ehwal Luar). Beliau telah banyak menyumbang bahan tulisan di akhbar Berita Harian dan artikel-artikelnya juga diterbitkan oleh akhbar The Straits Times. Sehingga kini beliau telah menerbitkan buku-buku bertajuk Pandangan Umum Islam Terhadap Kesihatan dan Perubatan (2001), Pesanan Perjuangan (2002), Muslim...Moderat...Warga Singapura (2003) dan Fiqh Dakwah Dalam Al-Quran (2004) dan Unlicensed to Kill: Countering Imam Samudra's Justification for the Bali Bombing (2006). Beliau juga menulis buku Noktah Hitam: Ajaran Sesat Di Singapura (2001) terbitan Majlis Ugama Islam Singapura dan Kesederhanaan Dalam Islam Mengikut Konteks Masyarakat Islam Singapura (2004) terbitan PERGAS. Beliau mempunyai blog peribadi bagi menolak salah tafsiran terhadap jihad oleh kumpulan pengganas seperti Al-Qaeda di <http://counterideology.multiply.com>

Mohamed bin Ali

Mohamed Bin Ali adalah Zamil Bersekutu di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Beliau memperolehi ijazah pertamanya dalam Syariah dari Universiti Al-Azhar di Kaherah. Sebelum itu, beliau menuntut di Madrasah Aljunied Al-Islamiyah dari tahun 1990 hingga 1995. Beliau memegang ijazah sarjana M.Sc (Hubungan Antrabangsa) dari RSIS.

Beliau berpengalaman sebagai aktivis dan sukarelawan kerja kemasyarakatan. Antara penglibatan beliau kini ialah anggota sekretariat dan kaunselor Kumpulan Pemulihan Agama yang terlibat dalam pemulihan anggota-anggota Jemaah Islamiyah yang ditahan di Singapura. Beliau juga adalah anggota Lembaga Pentadbir Masjid Khadijah, anggota Lembaga Rayuan Syariah Majlis Ugama Islam Singapura, anggota Majlis Kajian Pengganasan Asia dan kaunselor Jabatan Penjara Singapura. Beliau telah mengendalikan berbagai-bagai kursus, menulis artikel-artikel dan membentangkan banyak kertas kerja di peringkat tempatan dan antarabangsa mengenai ideologi kumpulan pelampau. Beliau juga pernah melakukan kajian tentang kumpulan militan di Pakistan, Iraq dan Indonesia.



Muhammad Haniff Hassan
Mohamed bin Ali



DESAIN: THEMVAC.COM

GHAITH ABDUL AHAD / GETTY IMAGES

Penerbitan buku ini disokong dan ditaja oleh



The Islamic Religious Council
of Singapore (MUIS)



PERDAUS

Hakcipta terpelihara, 2008

Hakcipta kandungan buku ini dimiliki bersama oleh Muhammad Haniff Hassan dan Mohamed bin Ali.

Isi kandungan buku ini tidak semestinya mewakili pendirian rasmi organisasi-organisasi yang menaja buku kecil ini, kecuali dinyatakan sedemikian.

Semua hakcipta terpelihara dan dilindungi undang-undang. Dilarang mengguna mana-mana bahagian, ilustrasi atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk tanpa izin.

PENDAHULUAN

Buku ini adalah buku kecil kedua yang kami terbitkan dengan tujuan untuk membimbing masyarakat agar tidak terjerumus dalam pelampauan.

Buku kecil pertama yang kami terbitkan pada tahun 2007 ialah Soal Jawab Mengenai Jihad.

Buku ini memberi fokus kepada penerangan mengenai langkah-langkah pencegahan bagi memelihara mana-mana individu dari dipengaruhi oleh pemikiran kumpulan pelampau dan pengganas.

Ia juga berguna bagi sesiapa sahaja untuk mengenalpasti pemikiran dan kumpulan pengganas yang sentiasa beroperasi secara halus dan rahsia. Di samping itu, ia menyediakan nasihat ringkas bagi menangani individu yang terpengaruh dengan ajaran yang meragukan.

Buku kecil ini diharapkan berguna untuk sesiapa sahaja yang sedang mencari pengetahuan agama dan bagi ibu bapa yang mahu memantau aktiviti keagamaan anak-anak mereka.

Pandangan di dalam buku ini adalah berdasarkan kajian dan pengalaman kami berinteraksi dengan mereka yang pernah terjebak dalam pelampauan. Buku ini bertujuan menjadi panduan untuk masyarakat. Namun, contoh-contoh yang diberikan tidak semestinya seratus peratus tepat dengan keadaan sebenar.

Sekali lagi, kami ingin merakamkan terima kasih kami kepada semua pihak yang menyokong dan menaja penerbitan buku kecil ini.

Semoga usaha kecil ini diterima sebagai amal soleh di sisi Allah taala.

Muhammad Haniff Hassan
Mohamed bin Ali

AWAS #1- BAHAYA PENGARUH IDEOLOGI & KUMPULAN PENGGANAS

“... dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerusakan.”

(Al-Qasas: 77)

NOTERROR.INFO

Di akhir tahun 2001, masyarakat Islam Singapura dikejutkan dengan pendedahan dan penangkapan individu-individu dari kalangannya yang merancang untuk melaksanakan serangan pengganasan di negara ini.

Mereka ini adalah anggota sebuah pertubuhan tidak berdaftar yang mempunyai hubungan dengan kumpulan-kumpulan dari luar negara yang mempunyai rekod penglibatan dalam aktiviti pengganasan.

Sejak dari itu, beberapa tangkapan lain terus dibuat yang melibatkan individu-individu dari kumpulan yang sama.

Kajian dan siasatan yang dibuat terhadap mereka yang ditangkap dan ditahan di negara ini dan individu-individu lain dari kumpulan-kumpulan yang sama yang ditangkap di luar negara menunjukkan bahawa salah satu sebab utama perbuatan ganas yang mereka rancang atau lakukan berpunca dari ideologi yang mereka fahami dan telah ditanamkan dalam diri mereka.

Pada waktu yang sama, sejak dari peristiwa serangan 11 September, setiap hari dunia dibentangkan dengan pelbagai berita serangan pengganasan yang mengancam keharmonian hidup.

Para pelaku serangan-serangan ini berusaha untuk meluaskan aktiviti pengganasan yang mereka lakukan ke merata tempat di dunia ini. Untuk itu, mereka berusaha keras untuk menghasut umat Islam melalui penyebaran pemikiran-pemikiran mereka agar mengikut jejak langkah mereka yang ganas itu yang kononnya dilakukan demi membela agama Islam dan umatnya.

Akibat dari penyebaran ideologi ini, berlakulah insiden-insiden pengganasan oleh individu-individu yang terpengaruh oleh hasutan jahat ideologi ini seperti yang disaksikan dalam serangan bom ke atas keretapi di Madrid dan London. Insiden-insiden ini dilakukan oleh individu yang pada asalnya bukan anggota kumpulan pengganas tetapi mereka melakukan pengganasan kerana dipengaruhi oleh ideologi kumpulan berkenaan.

Ideologi ini selalunya menyelinap dalam pemikiran secara halus dan tanpa disedari.

Bertindak!!!

Pelihara diri, sanak saudara dan rakan-rakan anda dari pengaruh ideologi dan pemikiran ini agar anda dan mereka yang anda kasih tidak terjerumus ke dalam pelampauan dan pengganasan yang akan menjelas keharmonian hidup di Singapura dan menyebabkan anda dikenakan hukuman keras di sisi undang-undang.

Anda perlu mengetahui bagaimana anda dan mereka yang anda kasih dapat mengelakkan diri dari dipengaruhi oleh ideologi ini.

Anda dan sanak saudara serta rakan-rakan anda boleh memainkan peranan jika mengesyaki ada pihak yang menyebarkannya dalam masyarakat.



“...orang-orang yang telah sia-sia perbuatannya dalam kehidupan dunia ini, sedangkan mereka menyangka bahwa mereka berbuat sebaik-baiknya.”

(Al-Kahfi, 18:104)

Apa dan Bagaimana?

Ideologi kumpulan pelampau dan pengganas mempunyai petanda-petanda yang boleh dikenalpasti. Antara petanda-petanda itu ialah:

1. Kumpulan-kumpulan ini biasanya akan memulakan penyebaran ideologinya dengan menyampaikan ajaran-ajaran umum Islam yang berkaitan aqidah, ibadah dan akhlak yang biasa diajar oleh para asatizah sebagai langkah awal untuk menarik minat individu yang ingin mempelajari agama.
2. Namun, biasanya, kelas-kelas pengajian ini dilakukan bukan di tempat-tempat umum dan terbuka yang biasanya orang ramai pergi untuk mempelajari agama seperti di masjid atau pertubuhan-pertubuhan Islam yang berdaftar dan telah dikenali. Kelas-kelas ini dijalankan di rumah-rumah peribadi dalam bentuk kumpulan-kumpulan kecil.
3. Sekiranya anda dikenalpasti telah mempunyai asas pengetahuan agama yang baik atau telah menghadiri kelas-kelas agama di tempat-tempat umum, anda biasanya diundang untuk menghadiri kelas tambahan atau lanjutan di rumah-rumah peribadi.
4. Setelah anda menunjukkan minat dan keyakinan kepada kelas yang dihadiri, anda akan dapati bahawa isi pengajian kelas anda akan mula menyentuh isu-isu politik semasa dan seterusnya akan terfokus kepada isu kezaliman dan penindasan yang menimpa umat Islam di merata dunia. Walaupun pada hakikatnya membicarakan isu ini secara adil dan saksama bukan satu kesalahan atau pelampauan, namun kelas-kelas pengajian yang dijalankan oleh golongan pelampau hari ini memberi perhatian yang lebih istimewa dengan tujuan untuk menarik simpati serta menaikkan semangat dan rasa marah mereka yang hadir. Isu-isu politik ini menjadi dominan dari topik-topik tradisi yang berkaitan aqidah dan ibadah. Kalau pun topik-topik aqidah dan ibadah disampaikan, ia akan dikaitkan juga dengan soal menangani isu politik yang dibangkitkan.
5. Bagi mengukuhkan penekanan mengenai soal kezaliman dan penindasan yang menimpa umat Islam, sekali sekala, anda akan dipertontonkan video atau bahan-bahan lain mengenai kesengsaraan umat Islam dan perjuangan bersenjata mereka.
6. Apabila anda telah menunjukkan minat yang lebih mendalam, anda akan diminta untuk memberi sumbangan kepada “jihad” bagi membantu mengatasi masalah yang menimpa umat Islam. Di peringkat awal, anda hanya akan diminta memberi sumbangan tenaga dan wang untuk aktiviti “jihad” dalam bentuk dakwah Islamiah.
7. Selanjutnya, anda akan diajar mengenai kemuliaan, kepentingan dan kelebihan jihad bersenjata dan mati syahid berbanding amal-amal Islam yang lain.
8. Anda akan diajar bahawa jihad bersenjata adalah satu-satunya cara yang boleh melepaskan umat Islam dari penindasan dan kezaliman yang dialami.

“...barang siapa yang membunuh seorang manusia, bukan karena orang itu (membunuh) orang lain, atau bukan karena membuat kerusakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya:


Dan barang siapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya.”

(Al-Maidah, 5:32)



NOTERROR.INFO

- 9.** Anda akan diajar bahawa berjihad secara bersenjata hari ini, adalah fardhu ain bagi membebaskan bumi Islam yang dicerobohi seperti di Palestin, Kashmir, Iraq dan Afghanistan. Oleh itu, anda wajib melibatkan diri dalam jihad ini dengan pergi ke tempat berkenaan atau melakukan sesuatu di negara ini.
- 10.** Anda akan dapati di dalam kelas-kelas ini penekanan yang kuat mengenai pakatan jahat golongan bukan Muslim yang diterajui oleh golongan Yahudi dan Nasrani bagi menghancurkan umat Islam dan segala musibah yang berlaku ke atas umat Islam, dari dulu hingga sekarang, adalah disebabkan oleh pakatan ini.
- 11.** Anda dianjurkan agar berahsia selalu mengenai kehadiran di kelas-kelas ini dan penglibatan dalam aktiviti-aktivitinya atas alasan untuk memeliharanya dari gangguan musuh-musuh Islam yang sememangnya tidak suka apabila melihat umat Islam mahu memahami Islam yang betul.
- 12.** Bagi memelihara kerahsiaan, anda akan diminta untuk melakukan sesuatu seperti memastikan yang anda tidak diintip, tidak membuat salinan nota pengajian dan tidak berkongsi maklumat dengan orang lain mengenai pengajian anda.
- 13.** Anda akan diajar pentingnya mengasingkan diri (uzlah) dari mencampuri masyarakat umum yang disifatkan sebagai jahiliyah atau jauh dari cara hidup Islam bagi memelihara kelslaman anda dari cara ini. Anda juga diajar untuk tidak menyukai golongan bukan Muslim kerana mereka sentiasa akan dengki dengan anda dan berbaik-baik dan bercampur dengan mereka dalam aktiviti sosial boleh merosakkan kesolehan anda.
- 14.** Anda akan diajar mengenai kelebihan berhijrah ke sebuah negara yang mengamalkan Islam supaya kelslaman anda menjadi lebih baik atau berhijrah ke medan jihad supaya anda dapat melaksanakan kewajipan jihad bersenjata.
- 15.** Anda sering diberitahu bahawa kefahaman anda mengenai Islam berbeza dengan orang lain kerana kelas pengajian yang anda hadiri mengajar kefahaman Islam yang lebih betul dan tepat. Islam yang anda pelajari adalah Islam yang kaffah (menyeluruh), manakala Islam orang lain kurang dan tidak lengkap.
- 16.** Disebabkan Islam yang diajarkan kepada anda lebih baik, maka guru-guru agama yang mengajar anda di kelas-kelas ini juga lebih baik dari guru-guru agama yang ada di tengah masyarakat.
- 17.** Seringkali anda akan mendapati usaha untuk merendah-rendahkan kemuliaan guru-guru agama atau kumpulan-kumpulan yang tidak sealiran dengan kelas pengajian anda dengan menonjolkan kelemahan dan kekurangan mereka semata-mata.
- 18.** Kadangkala, kelas pengajian ini akan diisi oleh “tetamu-tetamu” dari luar negeri yang akan membuat penyampaian mengenai isu-isu agama atau politik.
- 19.** Anda diberitahu bahawa kebanyakan pemerintah Muslim hari ini telah menjadi kafir kerana tidak melaksanakan hukum Islam sepenuhnya.



“Dan barang siapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah Jahanam, kekal ia di dalamnya dan Allah murka kepadanya, dan mengutukinya serta menyediakan azab yang besar baginya...”

(An-Nisa', 4:93)

NOTERROR.INFO

20. Anda diajar untuk tidak taat kepada segala pemerintah yang bukan Muslim. Melakukan sesuatu yang menunjukkan sokongan dan kesetiaan kepada pemerintah bukan Muslim, bercanggah dengan sifat seorang Muslim yang soleh.
21. Anda diajar untuk sentiasa bersedia untuk berjihad secara bersenjata bagi menjatuhkan pemerintah Muslim yang tidak melaksanakan Islam sepenuhnya dan pemerintah bukan Muslim dan melaksanakannya, apabila tiba masa yang sesuai.
22. Anda tidak digalakkan untuk bekerja dalam perkhidmatan awam kerana ia merupakan sokongan kepada pemerintah yang bukan Islam.
23. Anda mungkin diminta untuk memberi bai'ah iaitu semacam sumpah setia kepada kumpulan yang anda ikuti. Setelah memberi bai'ah, anda dilarang dari menyertai kumpulan lain. Anda kemudian diajar bahawa melanggar bai'ah yang telah diberi merupakan pengkhianatan ke atas agama dan satu dosa besar.

Bagi mengenal pasti dengan lebih mendalam ideologi kumpulan pengganas dan sanggahan terhadapnya, dapatkanlah maklumat dan bahan-bahan dari sumber-sumber di bawah ini:

| Sumber | Alamat |
|-----------------------------------|---|
| Kumpulan Pemulihan Agama | http://www.rrg.sg |
| Blog Ustaz Muhammad Haniff Hassan | http://counterideology.multiply.com |

AWAS #2 - BERHATI-HATI KETIKA MENCARI KEBENARAN

Walaupun mereka yang terlibat dalam aktiviti pelampauan menunjukkan komitmen dan semangat yang tinggi dalam mengamalkan Islam, namun kajian juga menunjukkan ramai di antara mereka sebenarnya mempunyai pengetahuan agama yang cetek. Hanya segelintir sahaja yang mempunyai pendidikan rasmi dan tinggi dalam pengajian Islam.

Kebanyakan dari mereka ini mengalami rasa keinsafan untuk kembali kepada agama pada usia dewasa. Mereka merasa menyesal atas kelengahan semasa muda untuk mendalami dan mengamalkan agama Islam. Ini mendorong mereka untuk mencari kelas-kelas pengajian agama yang dapat memenuhi rasa keinsafan dan penyesalan yang ada dalam diri.

Dalam proses pencarian inilah, ramai di antara mereka yang kemudian terperangkap ke dalam kumpulan-kumpulan pengganas. Ia bermula secara halus dan tidak sedar. Namun setelah lama berada dalam kelas pengajian yang dihadiri dan terlibat dalam pelbagai aktiviti kumpulan berkenaan, mereka samada terus berpegang dengan ajaran yang diterima atau merasa sukar untuk meninggalkan kumpulan itu kerana merasa telah jauh terlibat di dalamnya dan kerana tekanan sosial yang lain.


JANGAN

MELAMPAU

DALAM

BERAGAMA

(4:171)



Dapatkan halaman-halaman poster dalam buku kecil ini bagi
latarbelakang komputer anda di

<http://counterideology.multiply.com>



“Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu..”

(Ali Imran, 3:159)

Bertindak!!

Mulakanlah pencarian anda terhadap kebenaran dan pengetahuan agama dari titik permulaan yang betul.

Dapatkanlah bimbingan agama melalui guru-guru agama yang bertauliah.

Pastikan bahawa kelas-kelas pengajian anda dijalankan di tempat-tempat awam yang terbuka untuk orang ramai dan dianjurkan oleh badan-badan Islam yang berdaftar dan dikenali.

Jika kelas-kelas itu dijalankan di rumah-rumah atau tempat-tempat privet, anda harus pastikan bahawa guru-guru agama yang mengendalikan ialah mereka yang bertauliah.

Apa & bagaimana?

Bagi status guru-guru agama yang bertauliah anda boleh memeriksa senarai mereka di maklumat di bawah.

Jika merasa ragu, bertanyalah pegawai-pegawai agama di Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) atau di masjid-masjid yang berdekatan.

| | Sila lawat atau hubungi |
|---|--|
| Senarai guru-guru agama yang bertauliah | http://www.muis.gov.sg/eServices/Asatizah/AsatizahList.aspx Sekretariat Skim Pengiktirafan Asatizah Pergas Wisma Indah 448, Changi Road, #03-01, Singapura 419975 Tel: 6346 9350, Emel: info@pergas.org.sg |
| Maklumat lanjut mengenai Skim Pengiktirafan Asatizah | http://www.muis.gov.sg/cms/services/Islamic.aspx?id=506 |
| Halaman internet MUIS | http://www.muis.gov.sg |
| Halaman internet bagi masjid-masjid di Singapura | http://www.muis.gov.sg/cms/services/Mosques.aspx?id=498 |
| Senarai kelas-kelas agama di pelbagai masjid di Singapura | http://www.muis.gov.sg/cms/services/Mosques.aspx?id=5616 |

AWAS #3 - BERHATI-HATI TERHADAP MAKLUMAT-MAKLUMAT AGAMA DI INTERNET

Kumpulan pengganas tidak akan berjaya tanpa sokongan berterusan dari orang ramai. Untuk mempengaruhi orang-ramai, ia perlu menyampaikan ideologi dan propagandanya kepada orang ramai.

Disebabkan oleh halangan-halangan yang dikenakan ke atas kumpulan-kumpulan ini, internet merupakan satu-satunya media yang mudah dan dapat digunakan untuk menarik sokongan orang ramai.

Kemudahan yang disediakan oleh internet untuk mendapatkan maklumat dan kecenderungan anak-anak muda hari ini untuk menggunakan internet bagi pelbagai tujuan, telah menjadikannya sebagai sumber yang mudah bagi ramai anak-anak muda hari ini untuk mempelajari dan mendapatkan maklumat mengenai agama. Khususnya, mereka yang dahaga pengetahuan agama dan merasa insaf akan kelengahan dahulu.

Kesemua ini menjadikan anak-anak muda yang ceteak pengetahuan agama terdedah kepada risiko dipengaruhi oleh pengajaran agama yang salah atau tidak sesuai dengan realiti di Singapura. Lebih membahayakan lagi, ialah apabila mereka dipengaruhi oleh ideologi kumpulan pengganas.

Kebimbangan ini bukanlah hanya satu spekulasi. Bahan-bahan di internet telah dikenalpasti sebagai salah satu punca yang menyebabkan seseorang menjadi radikal dan boleh terjebak ke dalam pengganasan.

Singapura sendiri telah menyaksikan kes beberapa individu yang merancang untuk menyertai jihad bersenjata di luar negeri kerana dipengaruhi oleh bahan-bahan yang dibacanya di internet.

Bertindak!!

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, dapatkan pengetahuan agama anda dari guru-guru agama yang bertauliah. Sumber-sumber internet tidak boleh menggantikan guru agama sebenar dalam pembelajaran agama.

Dapatkan pengetahuan agama dari internet melalui halaman-halaman web badan-badan agama atau masjid-masjid tempatan kerana pengetahuan agama dari halaman-halaman ini lebih dipercayai dan lebih bersesuaian dengan realiti negara ini. Ajaran agama dari luar negeri, walau pun mungkin tidak salah, tetapi kadangkala ia kurang bersesuaian dengan realiti di Singapura dan berpegang dengannya boleh menimbulkan masalah dan kesulitan tertentu.

Apa & bagaimana?

Pastikan bahawa anda mengenali kewibawaan individu atau organisasi yang darinya anda memperolehi pengetahuan agama di internet.

Pengetahuan agama hanya boleh diambil dari sumber-sumber yang dipercayai. Individu atau organisasi yang tidak dikenali tidak boleh dijadikan sandaran ilmu agama sehingga statusnya dikenalpasti oleh badan-badan seperti MUIS dan Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Singapura (Pergas).



NOTERROR.INFO



"Dan tidaklah sama kebaikan dan kejahatan..."

Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang antaramu dan antara dia ada permusuhan seolah-olah telah menjadi teman yang sangat setia."

(Fussilat, 41:34)

MAHMUD HAMS / AFP / GETTY IMAGES

Anda perlu berhati-hati sekali dalam menerima pengetahuan agama dari mereka yang memakai nama-nama samaran di internet atau badan-badan yang kewujudannya tidak berdaftar secara rasmi di tempat ia beroperasi.

Sebaiknya, maklumat agama yang anda perolehi dari internet yang tidak diketahui kewibawaan sumbernya itu dirujukkan kepada guru agama setempat untuk penjelasan atau bandingkan maklumat berkenaan dengan maklumat yang ada pada badan-badan atau buku-buku agama yang berwibawa.

Jika anda ragu-ragu, janganlah berpegang dengan maklumat itu atau bertanyalah kepada mereka yang lebih mengetahui.

Jika anda mempunyai kemusykilan agama atau masalah yang memerlukan nasihat dari guru agama atau mencari wadah bimbingan agama di internet, anda boleh gunakan sumber-sumber yang dinyatakan di bawah:

| Sumber | Alamat |
|---------------------------|---|
| Halaman kemusykilan agama | http://www.iask.com.sg |
| Halaman perkongsian agama | http://invoke.sg |
| Halaman pengajaran agama | http://www.haniff.sg http://ceramahislam.com http://www.ghousekhan.blogspot.com |

PANDUAN UNTUK MEMBUAT ADUAN MENGENAI AJARAN AGAMA YANG MERAGUKAN¹

Sesiapa sahaja yang mengetahui akan kewujudan individu atau kumpulan yang mengajar atau mengamalkan amalan atau ajaran yang meragukan bertanggungjawab untuk mengubah dan membaiki penyelewengan itu. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

"Barangsiapa di antara kamu melihat kemungkaran maka hendaklah ia mengubah dengan tangan. Sekiranya ia tidak mampu, maka hendaklah ia mengubah dengan lidahnya. Sekiranya ia tidak mampu, maka hendaklah ia mengubah dengan hati dan ia (mengubah dengan hati) adalah selemah-lemah iman" (Riwayat Muslim)

Jika anda ingin membuat aduan mengenai sesuatu ajaran yang meragukan, pastikan anda melakukan perkara-perkara berikut:

1. Memastikan bahawa ajaran yang diajarkan sememangnya suatu ajaran yang menyesatkan. Ini boleh dilakukan dengan membuat pertanyaan kepada mana-mana guru-guru agama yang bertauliah di bawah Skim Pengiktirafan Asatizah atau ke Pejabat Mufti di MUIS. Seeloknya pertanyaan disertakan dengan bahan-bahan seperti nota pengajaran atau buku.

¹ Dipetik dan diubahsuai dari buku Noktah Hitam: Ajaran Sesat Di Singapura, Majlis Ugama Islam Singapura, Singapura, 2001.

“..Dan janganlah kamu
bermaharajalela di muka bumi
membuat kerusakan.”

(Al-A`raf. 7:74)



MOHAMED AZAKIR / REUTERS

Jangan sekali-kali membuat sebaran atau tuduhan di peringkat umum tanpa buat kepastian dahulu kerana ia akan menimbulkan kekecohan dalam masyarakat, pertelingkahan antara individu dan juga tindakan undang-undang seperti saman malu dari pihak berkenaan.

2. Setelah dipastikan penyelewengan ajaran berkenaan, aduan boleh dibuat kepada Pejabat Mufti, MUIS dengan berjumba pegawai yang bertugas. Sebaiknya satu temu janji dibuat untuk membuat aduan. Ini untuk memudahkan pegawai yang bertugas untuk mengurus aduan yang akan diterima.
3. Setiap aduan hendaklah disertakan dengan bukti-bukti atau maklumat yang memudahkan untuk tindakan dibuat. Bukti-bukti atau maklumat yang berguna ialah nota-nota pengajaran, kaset yang mengandungi ajaran yang menyeleweng, alamat penuh kelas diadakan, maklumat penuh guru dan mereka yang terlibat untuk dipanggil dan gambar-gambar jika ada. Aduan boleh juga dilakukan melalui pos dengan menghantar segala bukti dan maklumat ke Pejabat Mufti, MUIS.

Pengadu hendaklah menyertakan maklumat penuh diri untuk mudah dihubungi bagi memberi kenyataan, menjadi saksi dan sebagai pertanggungjawaban.


4. Jika anda mengesyaki mana-mana individu atau kumpulan mengajar atau menyebarkan ajaran-ajaran yang mendorong kepada pengganasan atau menjelaskan keselamatan negara, anda boleh langsung hubungi talian hotline Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

PANDUAN MEMBANTU RAKAN-RAKAN ATAU SAUDARA MARA YANG TERLIBAT DALAM AJARAN YANG MERAGUKAN²

Sekiranya anda mempunyai rakan-rakan atau saudara mara yang disyaki terlibat dalam ajaran yang meragukan, anda boleh memilih untuk melakukan satu atau sebahagian atau semua dari tindakan-tindakan berikut:

1. Minta penjelasan dahulu terhadap perkara yang meragukan. Ini dilakukan dengan bertanya pada yang berkenaan dan kemudian merujuk pada guru-guru agama yang dikenali.
2. Setelah jelas, terangkan padanya akan penyelewengan yang didapat.
3. Pujuk ia untuk bertemu mana-mana guru agama yang dipercayai atau pegawai di Pejabat Mufti, MUIS atau ajak ia mengikuti kelas-kelas pengajian atau kursus anjuran masjid-masjid atau badan-badan Islam yang dikenali. Ini bertujuan untuk memberinya perspektif yang berlainan dari apa yang ia pelajari agar ia dapat membuat perbandingan lalu membuat pilihan antara yang betul dan yang salah.

² Dipetik dan diubahsuai dari buku Noktah Hitam: Ajaran Sesat Di Singapura, Majlis Ugama Islam Singapura, Singapura, 2001.



ABID KATIB / GETTY IMAGES

“Jangan melampaui dalam beragama”

(An-Nisa', 4:171)

TALIAN PENTING

Pejabat Mufti (MUIS)
Tel: 6359 1440 – 445 (Waktu pejabat sahaja),
Fax: 6259 1735,
Emel: info@muis.gov.sg, Web: www.muis.gov.sg

Jabatan Keselamatan Dalam Negeri
Tel: 1800-2626473 atau 6256 6657(24 jam),
Fax: 6282 8473 atau 6256 1440

4. Hadiahkan kepadanya buku-buku bacaan yang dapat membetulkan apa yang ia pelajari dan membuka luas fikirannya atau tunjukkan kepadanya sumber-sumber internet yang dinyatakan di atas agar ia dapat merujuk ke sana.
5. Minta ia melakukan amalan-amalan seperti solat hajat agar Allah taala memberi ia petunjuk mana yang betul dan yang salah atau solat Istikhrah bagi membuat pilihan yang betul dan yang salah.
6. Adukan masalah ini ke Pejabat Mufti, MUIS agar ia dapat diberi kaunseling.
7. Doakan untuknya agar diberi petunjuk oleh Allah taala.
8. Jangan putuskan silaturrahmi dan jangan memberi layanan buruk padanya walaupun ia berdegil kerana ini hanya akan menjauhkannya dari kita dan menutup peluang untuk berdakwah padanya.
9. Namun, jika anda dapat bahawa masalahnya terlalu serius dan boleh mengancam kesejahteraan masyarakat dan negara, anda wajib melaporkannya kepada pihak keselamatan agar tindakan segera dapat diambil.

Fahamilah!!!

Melakukan pengganasan, walaupun atas nama Islam atau demi membela umat Islam, adalah haram di sisi agama.

Mencegah yang haram adalah satu kewajipan. Membiarkan seseorang melakukan pengganasan atau apa juar tindakan yang boleh menjadikan kepentingan masyarakat Islam dan negara adalah berdosa.

Oleh itu, melaporkan seseorang yang mempunyai pemikiran yang mendorong ke arah pengganasan adalah anjuran agama dan bukan satu pengkhianatan terhadap saudara seagama sebagaimana yang didakwa oleh golongan pelampau dan penganas.

Melaporkan mereka yang seperti ini bukan menimpakan mudarat ke atas mereka tetapi satu langkah yang menyelamatkan mereka dari terjerumus jauh dalam pelampauan dan melakukan sesuatu yang menyebabkan mereka dihukum dengan hukuman yang keras.

Ingat!!!

Mereka yang menganggotai kumpulan yang membahayakan keselamatan masyarakat dan negara boleh dikenakan tahanan yang akan memisahkan mereka dari orang-orang yang dikasih.

Mereka yang terlibat dalam pengganasan dan pengeboman boleh dijatuhkan hukuman mati.

**JANGAN BIARKAN ORANG YANG
ANDA KASIH TERJEBAK!**